

|             |   |              |                           |
|-------------|---|--------------|---------------------------|
| Headline    | <b>10,000 serbu program Jom Masuk U</b> |              |                           |
| Date        | <b>11. Mar 2008</b>                     | Language     | <b>MALAY</b>              |
| Media Title | <b>Utusan Malaysia (Southern)</b>       | Page No      | <b>27</b>                 |
| Section     | <b>News</b>                             | Article Size | <b>232 cm<sup>2</sup></b> |
| Circulation | <b>238082</b>                           | Frequency    | <b>Daily</b>              |
| Readership  | <b>833287</b>                           | Color        | <b>Full Color</b>         |



SEBAHAGIAN pengunjung yang hadir sempena program Jom Masuk U di Plaza Angsana, Johor Bahru, semalam.

## 10,000 serbu program Jom Masuk U

JOHOR BAHRU 10 Mac - Lebih 7,000 pengunjung yang terdiri daripada golongan pelajar, ibu bapa dan guru-guru membanjiri ruang legar Plaza Angsana hari ini sempena program Jom Masuk U anjuran oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Pengarah Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar KPT, Rahmah Hussain berkata, angka itu dijangka mencecah 10,000 orang sehingga program tersebut tamat laitu pukul 6 petang ini.

"Kedatangan pengunjung yang semakin ramai sejak kita memulakan program ini semalam menyaksikan masyarakat sudah mulai sedar tentang kepentingan maklumat sebuah pusat pengajian tinggi sebelum menyarankannya kepada orang lain," katanya ketika ditemui di sini.

Menurutnya, program tersebut berfungsi sebagai pusat sehenti untuk memberi informasi mengenai semua institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

"Gunakanlah peluang yang ada ini untuk

berkunjung ke sini kerana banyak maklumat dan penerangan mengenai pendekaran awal program yang ditawarkan universiti di negara ini akan diberikan," katanya.

Sebanyak 51 kaunter dibuka sepanjang dua hari program itu berlangsung iaitu 38 kaunter bagi IPT awam dan swasta dan 13 agensi kerajaan dan swasta.

Antara yang mengambil bahagian ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Sementara itu, terdapat juga perkhidmatan kaunseling dan kaunter pertanyaan mengenai pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dibuka bagi membolehkan pengunjung membuat pertanyaan terus kepada pihak berkenaan. Para pengunjung juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah misteri yang ditawarkan menerusi cabutan nombor bertuah.